



**SELASA, 19 MAC 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM LAKSANA PENGGANTUNGAN SEGERA OPERASI PESAWAT
BLACKSHAPE DI MALAYSIA**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah mengambil tindakan segera dengan menggantung semua operasi penerbangan membabitkan pesawat Blackshape model BS 115, BK 160, BK 60-200 dan BK 160TR dalam ruang udara Malaysia, berkuatkuasa 20 Mac 2024. Penggantungan ini selaras dengan *Emergency Airworthiness Directive (EAD) (AD No.: 2024-0074-E)* yang dikeluarkan oleh Agensi Keselamatan Penerbangan Kesatuan Eropah (EASA) yang merupakan pihak berkuasa bagi pembuatan pesawat berkenaan pada 18 Mac 2024 untuk menggantung operasi penerbangan semua pesawat Blackshape, termasuk semua nombor siri, berkuatkuasa pada 20 Mac 2024.

Penerbitan EAD oleh EASA adalah ekoran kemalangan maut membabitkan pesawat Blackshape, baru-baru ini, yang telah meningkatkan kebimbangan terhadap tahap keselamatan.

CAAM komited dalam mengutamakan keselamatan penerbangan di Malaysia dan akan mengambil semua tindakan yang sewajarnya bagi memastikan operasi penerbangan yang selamat.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia